



Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Dr Yusof Ismail (tengah); Timbalan Ketua Pengarah TPP MAMPU, Dr Mohd Bakhari Ismail (kiri); Timbalan Ketua Pengarah ICT MAMPU, Azih Yusof (kanan) bersama pasukan projek meraikan kejayaan apabila dianugerahkan sebagai Champion Top 5 dalam WSIS. - FOTO oleh MAMPU

## MAMPU terima pengiktirafan WSIS

Oleh Muhamad Shaifullah Tayep

[f Share](#) [🐦 Tweet](#)

Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selama ini sudah menjadi pusat agensi yang bertanggungjawab memacu, merintis dan mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Atas usaha yang sangat inovatif dan responsif dalam mengarusperdanakan pendigitalan sektor awam, MAMPU dinobatkan 'Champion Top 5' dalam persidangan *World Summit on the Information Society (WSIS) 2020* yang diadakan secara maya pada 22 Jun hingga 10 September lalu.

Persidangan diadakan di Geneva, Switzerland itu dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) dengan tema Memupuk Transformasi Digital dan Perkongsian Global: WSIS Garis Tindakan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

## Disyorkan



Purata gaji pekerja Malaysia RM3,224



The Melvins bergelar jutawan segera



Dragon Boy lebih yakin di Misano




Syed Saddiq daftar Parti MUDA



Polis teband ketum

## Popular



Aliff Aziz dipenjara 14 hari, denda



Bukan kereta klon



Sei Ashina bunuh diri



Meninggal dunia ketika mendaki



The Melvins bergelar jutawan segera

MAMPU dinobatkan 'Champion Top 5' dalam dalam dua kategori iaitu Infrastruktur Maklumat dan Komunikasi dan Mengaktifkan Persekitaran melalui dua inisiatifnya; MyGov\*Net dan DDMS 2.0.

### **Sokong sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan**



Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Dr Yusof Ismail bersama pegawai menyaksikan Majlis Penyampaian Anugerah WSIS Forum 2020 yang diadakan secara maya dari Geneva, Switzerland di Ibu Pejabat MAMPU, Putrajaya. - FOTO oleh MAMPU

MyGov\*Net adalah Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang diuruskan secara berpusat bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Projek ini mendokong SDG 9 iaitu Industri, Inovasi dan Infrastruktur dengan penyampaian perkhidmatan mencapai sehingga 11,344 pejabat kerajaan termasuk bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman.

MyGov\*Net turut menyediakan satu platform rangkaian bagi membolehkan capaian kepada aplikasi elektronik kerajaan, aplikasi dalaman agensi atau intranet dan capaian ke internet.

### **Sistem pengurusan rekod elektronik kerajaan**

DDMS 2.0 pula adalah sistem pengurusan rekod elektronik kerajaan yang membolehkan semua rekod kerajaan ditawan dan diakses melalui internet, di mana sahaja 24 jam sehari.

Sistem ini membolehkan pengurusan rekod kerajaan sentiasa berada dalam keadaan tersedia dan efisien.

Sehingga hari ini, sebanyak 179 agensi dengan pengguna seramai 42,512 orang sudah menggunakan sistem ini secara sepenuhnya dan dijangka akan mencapai sehingga 500 agensi pada tahun 2025.

